

## **covid-19**

**VAKSIN ASTRAZENECA**

# **Pendaftaran fasa ke-2 23 Mei**

**Bernama**

**Putrajaya**

**F**asa kedua tempahan pengambilan vaksin AstraZeneca secara sukarela khusus untuk warga emas berusia 60 tahun ke atas akan dibuka tiga hari bermula 23 Mei ini.

Menteri Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Khairy Jamaluddin berkata, pen-

daftaran janji temu mem-

babitkan 1.1 juta dos vaksin diperluaskan untuk penduduk Lembah Klang, Johor, Sarawak dan Pulau Pinang.

Katanya, slot tempahan boleh dibuat di laman web rasmi manakala Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) akan melakukan pendaftaran di kawasan masing-masing.

Selain warga emas, Khairy yang juga Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, berkata fasa kedua itu juga memberi keutamaan kepada

kira-kira 250,000 individu yang berada dalam senarai menunggu fasa pertama yang dibuka 2 Mei lalu.

"Selepas 26 Mei, tarawan akan dibuka kepada mereka yang berusia di bawah 60 tahun," katanya pada sidang media bersama Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Adham Baba mengenai perkembangan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan secara maya semalam.

Ditanya sama ada Sarawak bersetuju menggunakan vaksin AstraZeneca, Khairy berkata negeri itu sudah pun bersetuju dan pihaknya berhubung dengan jabatan Kesihatan Negeri Sarawak mengenai kaedah pelaksanaan vaksinasi di negeri itu.

Pihaknya akan membuka tarawan dalam talian minggu depan kepada orang ramai seperti pelajar di luar negara untuk memdedahkan jarak antara pengambilan dua dos vaksin AstraZeneca.

Malaysia menetapkan jarak antara kedua-dua dos itu selama 12 minggu selari kelulusan Badan Regulatori Farmasi Negara (NPRA) dan amalan negara seperti Australia, Belanda, Finland dan Portugal.

Syar kumpulan pakar Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) adalah antara lapan hingga 12 minggu.

Berhubung laporan media bahawa Indonesia menghentikan penggunaan satu kumpulan vaksin AstraZeneca akibat kesalahan teknikal, Khairy berkata Badan Bertindak Imunisasi Covid-19 (CITF) mendapat tiada kesan sampingan serius di Malaysia.

Malaysia akan meneruskan pemberian vaksin tersebut, katanya.

Media antarabangsa melaporkan Indonesia menghentikan sementara penggunaan kumpulan CT-MAV547 vaksin AstraZeneca susulan kematian lelaki berusia 22 tahun di Jakarta sehari selepas vaksinasi.